

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (KETIDAKPAKAIAN  
SUBSEKSYEN 98 (1)) (DANA DAGANGAN BURSA) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 98(4)(e) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Ketidakpakaian Subseksyen 98 (1)) (Dana Dagangan Bursa) 2009**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 20 Februari 2009.

**Ketidakpakaian subseksyen 98 (1)**

2. (1) Subseksyen 98 (1) Akta tidak terpakai berkenaan dengan apa-apa penjualan unit Dana Dagangan Bursa dan semua sekuriti konstituen Dana Dagangan Bursa yang diurusniagakan oleh mana-mana orang mengikut apa-apa cara dan dalam hal keadaan sebagaimana yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah bursa saham.

(2) Apa-apa penjualan unit Dana Dagangan Bursa dan semua sekuriti konstituen Dana Dagangan Bursa hendaklah mematuhi kaedah-kaedah bursa saham.

(3) Bagi maksud Perintah ini, "Dana Dagangan Bursa" ertinya dana penjejak indeks tersenarai yang distrukturkan sebagai suatu skim unit amanah atau apa-apa

struktur lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang matlamat utamanya adalah untuk mendapat pulangan yang bersamaan dengan prestasi sesuatu indeks.

Dibuat 12 Februari 2009

[KK/BPKA/K1(S)/483/128/1/1;PN(PU<sup>2</sup>) 662/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP

*Menteri Kewangan Kedua*